

01 JAN 2002

Mahathir-Indera Kayangan

PEMIMPIN MCA DINASIHAT KETEPIKAN MASALAH DAN TUMPU PADA P/RAYA

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Para pemimpin MCA hari ini dinasihatkan supaya ketepikan perselisihan antara mereka buat sementara waktu dan tumpukan perhatian kepada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata nasihat itu telah disampaikan kepada pemimpin-pemimpin MCA daripada dua puak yang bertelagah dalam perjumpaan secara berasingan di pejabatnya di Putrajaya semalam.

"Masalah perselisihan antara mereka kita akan bincang kemudian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir mengulas pertanyaan pemberita mengenai pertemuannya dengan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta kumpulan yang diketuai oleh Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Dr Ling berjumpa dengan Dr Mahathir pada pukul 3 petang dalam pertemuan selama 40 minit sementara kumpulan diketuai Lim, termasuk naib presiden, Datuk Chua Jui Meng, ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat serta ahli jawatankuasa pusat parti MCA, Datuk Wong Mok Leong menemui Dr Mahathir pada pukul 5 petang dalam pertemuan hampir sejam.

Selepas pertemuan itu, kedua-dua pihak berkata mereka akan bergerak sebagai satu pasukan dalam menghadapi pilhan raya kecil DUN Indera Kayangan.

Dr Mahathir menambah kata, dalam pertemuan itu semalam, pemimpin daripada kedua-dua pihak bersetuju dan telah memberi jaminan kepada beliau bahawa mereka akan bekerjasama untuk menentukan kejayaan calon BN.

"Saya dapat selesaikannya, tiada masalah, mereka akan bekerjasama," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada terdapat perjanjian antara kedua-dua pihak bagi menghadapi pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir berkata "Saya tidak tahu mengenai apa-apa perjanjian, tiada perjanjian".

Dr Mahathir juga berkata calon bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan akan diputuskan oleh beliau sendiri daripada senarai calon yang dikemukakan oleh MCA dan kedua-dua pihak akan memberi sokongan penuh kepada calon pilihannya.

"Saya belum pilih lagi, saya bagi tahulah kemudian....Apabila sahaja perlu diumumkan, saya akan umumkan," kata beliau.

Pilihan raya kecil DUN Indera Kayangan diadakan berikutan kematian penyandanganya, Datuk Khor Liang Tee akibat barah usus pada 19 Disember lalu.

-- BERNAMA

AT PR